

14 FEB 2001

Sabah-Gilir (Analisis Berita)

SABAH SEKALI LAGI DI AMBANG PERUBAHAN KEPIMPINAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Datuk Osu Sukam kini menjadi tumpuan.

Ketua Menteri Sabah itu akan ketahui dalam sedikit masa lagi sama ada beliau akan terus mengekalkan jawatannya itu atau perlu memberi laluan kepada ahli politik lain ketika negeri yang sentiasa dibelenggu permainan politik itu sedang menghadapi satu lagi perubahan pucuk pimpinan kerajaan negeri.

Semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Sabah hujung minggu lepas, terdapat ura-ura beliau akan mengumumkan sama ada untuk meneruskan atau menamatkan sistem penggiliran bagi jawatan ketua menteri yang telah dilaksanakan sejak 1994.

Namun Dr Mahathir yang sememangnya pintar mengendalikan situasi politik yang rumit seperti itu, telah meninggalkan Kota Kinabalu pada Isnin tanpa membuat keputusan mengenai perkara itu yang telah menimbulkan minat mendalam dalam arena politik tempatan.

Adakah sistem itu, satu-satu seumpamanya di dunia, akan dihapuskan atau adakah Sabah akan mendapat Ketua Menteri yang ketujuh dalam tempoh kurang tujuh tahun?

Tujuh ketua menteri dalam tempoh itu sudahpun merupakan sesuatu yang boleh dicatat dalam Guinness Book of World Records tetapi sama ada itu boleh dianggap sesuatu yang boleh dibanggakan oleh Sabah merupakan satu perkara lain.

"Saya tidak begitu ghairah mengenai siapa yang akan menjadi Ketua Menteri. Hanya mereka yang di sekeliling pemimpin baru yang mempunyai harapan dalam perubahan itu. Kami pernah melaluinya sebelum ini," kata seorang peniaga kepada Bernama di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Terdapat banyak petanda bahawa rakyat biasa sudah jemu dengan politik di negeri itu setelah mereka turut terlibat dalam banyak krisis politik.

Secara tidak langsung, Dr Mahathir menghadapi situasi sukar berdasarkan hakikat bahawa dengan menggantikan Osu, yang juga ketua Umno Sabah, akan menjejaskan logik politik kerana parti itu jelas menjadi pilih rakyat Sabah pada pilihan raya negeri dua tahun lepas.

Dalam erti kata lain, untuk mengekalkan pemimpin Umno sebagai ketua menteri melebihi penggal dua tahun mengikut sistem penggiliran itu ada kewajarannya daripada segi politik berdasarkan majoriti Umno dalam Dewan Undangan Negeri, tetapi ia tidak memenuhi janji perdana menteri pada 1994 mengenai penggiliran jawatan itu.

Politik Sabah amat berwarna-warni. Umno menang separuh daripada 48 kerusi di Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya 1999, berbanding 17 yang diraih pembangkang iaitu Parti Bersatu Sabah (PBS) dan tujuh lagi dikongsi oleh tiga parti BN, Parti Progresif Sabah (SAPP), Parti Demokratik Liberal (LDP) dan Parti Demokratik Sabah (PDS), kini dikenali sebagai Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO).

Pada pilihan raya 1994, PBS kembali berkuasa, tetapi kerajaannya runtuh tidak lama kemudian berikutan tindakan ramai anggota Dewan Undangan Negerinya bertukar ke BN.

Ini membawa kepada pengwujudan dua parti serpihan PBS -- PDS (kini UPKO) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS).

Keruntuhan kerajaan PBS mengakhiri kepimpinan sembilan tahun Datuk Joseph Pairin Kitingin sebagai ketua menteri. Pairin adalah juga Huguan Siou (pemimpin agung) Kadazandusun, masyarakat etnik terbesar Sabah.

Menurut seorang pemimpin kanan Umno Sabah, bukan rahsia lagi bahawa

penubuhan PDS dan PBRs, kedua-duanya berdasarkan keanggotaan Kadazandusun dan diketuai oleh pemimpin utama PBS, ialah untuk mengambil peluang daripada sistem penggiliran apabila tiba giliran jawatan ketua menteri diberikan kepada pemimpin Kadazandusun.

Mengikut sistem itu, bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina akan bergilir-gilir menjadi Ketua Menteri, masing-masing memegang jawatan itu bagi tempoh dua tahun.

Selepas Pairin jatuh akibat daripada langkah menukar parti anggota-anggota dewan daripada PBS, BN pula membantu kerajaan diketuai oleh Datuk (kini Tun) Sakaran Dandai sebagai ketua menteri. Setahun kemudian jawatan itu diambil alih oleh Datuk Salleh Said Keruak apabila Sakaran dilantik Yang Dipertua Negeri.

Salleh memegang jawatan itu selama dua tahun sebelum memberi laluan kepada Datuk Yong Teck Lee mewakili kaum Cina yang kemudian digantikan oleh Tan Sri Bernard Dompok, presiden PDS, mewakili Bumiputera bukan Islam.

Dompok menjadi ketua menteri hanya selama sembilan bulan. Beliau tewas pada pilihan raya negeri 1999 walaupun pengundi diberitahu semasa kempen pilihan raya bahawa mereka perlu memilih semula Dompok jika mereka mahu Kadazandusun terus menjadi ketua menteri.

Tetapi pengundi Kadazandusun memberikan sokongan kepada PBS pimpinan Pairin. Apabila PBS memberitahu Kadazandusun untuk "menghukum" wakil rakyat yang membelot lima tahun sebelum itu yang membawa kepada kejatuhan kerajaan PBS, mereka dengan gembira mematuhiinya.

Akhirnya semua yang menukar parti termasuk Dompok, yang disifatkan oleh PBS sebagai "ahli politik katak", kehilangan kerusi mereka.

Walaupun dianggap masih baru di Sabah, Umno muncul pemenang sebenar pada pilihan raya itu, dan sejak itu angka-angka turut sekali berubah ekoran tindakan wakil rakyat menukar parti.

Dua dari PBS telah menyertai Umno, dan ini memperkukuhkan kedudukannya kepada 26 anggota Dewan Undangan Negeri. PBS pula menghadapi kemerosotan daripada 17 kepada sembilan anggota Dewan Undangan Negeri kerana enam daripada mereka menyertai PBRs, parti yang pada pilihan raya 1999 gagal memenangi sebarang kerusi.

"Hakikatnya, tindakan enam anggota Dewan Undangan Negeri PBS menyertai PBRs merupakan ulangan kejadian 1994 daripada segi bahawa ahli politik Kadazandusun ini sedang mempersiapkan diri untuk menjadi ketua menteri apabila tiba masanya," kata seorang pemimpin kanan Umno Sabah.

Penggal Osu tamat pada 18 Mac. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah berkata selepas pilihan raya 1999 bahawa yang berada dalam senarai selepas Osu ialah pemimpin Kadazandusun yang akan melengkapkan penggal Dompok, sebelum seorang ketua menteri Cina mengambil alih.

Anggota akar umbi Umno dikatakan menentang sistem penggiliran, dengan alasan parti itu mempunyai tuntutan sah bagi jawatan ketua menteri berdasarkan kemenangan besarnya pada pilihan raya.

"Situasi politik telah berubah dari sejak janji untuk menggilirkan jawatan itu dibuat pada 1994 dan sekarang. Kini Umno adalah sebuah parti dengan mandat jelas untuk memimpin kerajaan negeri," kata seorang pemimpin kanan Umno negeri itu.

Beliau menyatakan bahawa semasa pengundi Kadazandusun tidak memilih semula Dompok pada pilihan raya 1999, jelas bahawa mereka tidak menyokong sistem penggiliran itu.

"Untuk memberikan jawatan itu kepada pemimpin Kadazandusun dari BN bermakna memberi ganjaran kepada bekas ahli politik PBS yang telah menyertai BN bagi menyediakan dirinya sendiri bagi jawatan tertinggi itu.

"Ia juga seperti memberi ganjaran kepada Kadazandusun, majoritinya yang tidak mengundi BN pada pilihan raya negeri lepas dengan mempertaruhkan

pengundi yang merupakan pengokong setia BN," katanya.

Para pegawai Umno lain turut berhujah bahawa janji itu baik ketika kekuatan parti komponen Sabah BN dalam Dewan Undangan Negeri adalah "rapuh" antara 1994 dan 1999 kerana mereka mendapat manfaat kebanyakannya daripada tindakan tukar parti oleh wakil rakyat PBS.

Tetapi setelah Umno kini menjadi satu kuasa ekoran kemenangan besarnya pada pilihan raya 1999, janji itu tidak lagi dapat dipertahankan, kata pegawai kanan Umno.

Tetapi seorang editor akhbar Sabah bercakap mengenai merit sistem penggiliran sebagai cara paling berkesan dalam mengawasi penyalahgunaan kuasa, yang Dr Mahathir telah katakan merupakan rasional di sebalik sistem itu, selain perkongsian kuasa di kalangan masyarakat utama.

"Sejak sistem itu diperkenalkan, kita tidak lihat fenomena mengenai pemujaan personaliti seperti yang kita lihat pada masa lalu. Oleh kerana seorang ketua menteri mengikut sistem itu tahu dia hanya mempunyai dua tahun untuk berkhidmat, dia tidak mempunyai banyak masa dan sentiasa sibuk.

"Dia juga tidak akan melakukan sesuatu yang buruk dan menyembunyikan kerana penggantinya lambat laun akan tahu mengenai perkara itu," kata editor itu.

Tetapi beliau berkata keburukan sistem itu ialah produktiviti ekonomi Sabah telah terjejas kerana perancangan ekonomi oleh seseorang ketua menteri kemungkinan besar tidak dilaksanakan oleh yang seorang lagi.

"Sebab itulah Sabah ketinggalan dalam banyak bidang terutama jika dibandingkan dengan Sarawak yang mempunyai kepimpinan politik yang kukuh dan stabil," katanya.

Sementara Dr Mahathir menimbangkan baik-buruk sistem itu, perkara pokok ialah apa yang beliau putuskan adalah untuk kepentingan Sabah.

-- BERNAMA

AU AU RHM MAI